

14/05/2003

Insentif untuk pelancongan dalam pakej rangsangan

KUALA LUMPUR: Industri pelancongan yang terjejas akibat wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan peperangan di Iraq, dijangka menerima pelbagai insentif menerusi pakej rangsangan ekonomi yang akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak lama lagi.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata ketika ini Kementerian Kewangan sedang menimbang memorandum yang dikemukakan sektor swasta, termasuk perhotelan, ejen pelancongan dan pemilik restoran.

"Pakej rangsangan untuk mengukuhkan struktur ekonomi negara itu sepatutnya diumumkan lebih awal, tetapi kerajaan menangguhkannya supaya dapat mengambil kira kesan SARS yang dilihat sebagai tragedi paling buruk pernah dihadapi industri pelancongan negara.

"Penurunan drastik jumlah pengunjung dicatatkan pada tahap bawah 6.4 peratus antara Januari dan Mac lalu, manakala sepanjang April lalu pula kurang 600,000 pelancong berkunjung ke negara ini hingga menyebabkan industri pelancongan terjejas teruk," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Kajian yang dijalankan menunjukkan tempahan penginapan hotel seluruh negara menurun kira-kira 60 peratus dan kemasukan pelancong pula berkurangan kepada 817,207 orang pada Mac, berbanding 1,070,428 pengunjung pada Januari lalu.

Berikutan itu, kerajaan dijangka memperkenalkan pakej rangsangan bagi menyelamatkan sektor yang terjejas teruk, seperti perhotelan, restoran, ejen pelancongan, penerbangan dan pengangkutan.